

PUSAT BERITA RADIO RTM

BERITA NASIONAL 1.00 TENGAHARI - 2 Jun 2010

EDITOR : NOORHAFIZATUL SARAH THAHIL

PENYAMPAI : KHALIM ROHANI

URUSAN PINDAH MILIK TANAH KINI BOLEH DISIAPKAN DALAM TEMPOH SEHARI.

SPM-TANAH

Urusan pindah milik tanah yang sebelum ini mengambil masa sebulan, kini boleh disiapkan dalam tempoh hanya, sehari. Ini dinyatakan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Abdul Halim Ain. Bagaimanapun, pemohon perlu mengikut segala garis panduan, arahan dan undang-undang yang ditetapkan bagi melancarkan urusan pemprosesan. Bagi mendapatkan panduan tersebut, pemohon boleh melayari laman sesawang www.kptg.gov.my.

"Kita juga mohon kerjasama daripada semua pihak yang terlibat, tuan tanah, pejabat peguam dan pihak-pihak lain untuk bekerjasama dengan garis panduan yang telah kita sediakan, dengan JPM sudah dapat dipenuhi. Kita juga dah buat pindaan kepada Akta Pusaka. Kalau dulu ini, tafsiran pusaka kecil ada 600-ribu nilai harta, tetapi sekarang kita tingkat naikkan kepada 2-juta. Ini bagi membolehkan tuan tanah mendapat khidmat proses pusaka dengan lebih cepat."

Dato' Abdul Halim berkata demikian dalam Rancangan Selamat Pagi Malaysia di TV-1. Dato' Abdul Halim juga berkata, sebagai langkah keselamatan pihak kementerian bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara membekalkan MyKad Reader kepada semua pejabat tanah. Ia bagi menyemak kesahihan tuan tanah melalui kad pengenalan diri tersebut:

"Setakat ini daripada 12 negeri semenanjung, 9 negeri telah mencapai 90-peratus lebih boleh daftar dalam 1 hari, daripada permohonan yang diterima itu, dia boleh daftar 90-peratus daripadanya dalam 1 harilah. Itu setakat ini, pencapaian yang kita buat, dan kita harap selepas ini dengan usaha yang diambil oleh kawan-kawan kita diperingkat negeri dan pejabat tanah kita diperingkat negeri, dan pejabat tanah daerah, kita jangkakan boleh kita tingkatkan lagi."